A

Pendakwa Raya lwn Patric a/l Jacob

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO JA-43–79–12 TAHUN 2024
ABU BAKAR KATAR H
2 JANUARI 2025

C

Prosedur Jenayah — Semakan — Hukuman — Sabitan dan hukuman untuk kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 — Hukuman rotan — Sama ada hukuman rotan adalah mandatori — Kanun Tatacara Jenayah s 323 — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 15(1)(a) & 39C(1)

D

Ini adalah semakan terhadap keputusan mahkamah sesyen yang tidak menjatuhkan hukuman sebatan bagi kesalahan di bawah s 15(1)(a) dibaca bersama s 39C(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut'). Keputusan urin tertuduh menunjukkan tertuduh positif dadah berbetuk morphine. Tertuduh juga mempunyai empat rekod sabitan lampau dengan kesalahan yang sama. Tertuduh kemudiannya mengaku bersalah di hadapan hakim mahkamah sesyen ('HMS'). Sebaik sahaja tertuduh mengemukakan mitigasi peringanan hukuman melalui peguam YBGK dan timbalan pendakwa raya ('TPR') mengemukakan hujahan pemberatan, HMS menangguhkan ke tarikh yang lainnya bagi membolehkan TPR menyemak kes *Mohammad Syukri bin Ramli v Public Prosecutor* [2022] MLJU 485 yang dirujuk oleh peguam YBGK berkaitan sebatan rotan sama ada diteruskan rayuannya di Mahkamah Rayuan atau sebaliknya. Semakan telah dilakukan dan mendedahkan pihak TPR telah menarik balik rayuannya di Mahkamah Rayuan. Setelah itu, HMS itu telah menjatuhi hukuman penjara lima tahun mulai tarikh tangkap dan dua tahun pengawasan selepas selesai menjalani tempoh penjara. HMS kemudiannya mengikuti kes *Mohammad Syukri Ramli* yang memutuskan bahawa sebatan rotan tidak dikenakan ke atas tertuduh. Mahkamah telah memanggil rekod prosiding untuk tujuan semakan di bawah s 323(1) KTJ khasnya sama ada HMS itu bertindak secara kehakiman apabila tidak menjatuhi sebatan rotan bagi kesalahan di bawah s 39C (1) Akta tersebut. Isu untuk penentuan adalah sama ada hukuman sebatan adalah mandatori menurut kes yang diputuskan dalam kes *Mohammad Syukri bin Ramli v Public Prosecutor* [2022] MLJU 485 untuk kesalahan di bawah s 39(C) Akta Dadah Berbahaya 1952.

E

F

G

H

I

Diputuskan, mengekalkan sabitan dan hukuman; mengenakan hukuman sebatan:

(1) Mahkamah mendapati bahawa terdapat keputusan di Mahkamah Rayuan dalam kes *Public Prosecutor v Azfaiz bin Jamil* [2022] 6 MLJ 457

di mana YA Kamaludin Md Said HMR telah memutuskan sebatan rotan bagi kesalahan s 39C(1)(b) Akta itu adalah mandatori. Mahkamah berpendapat sebaik Mahkamah Rayuan dalam kes *Azfaiz Jamil* memutuskan sebatan rotan bagi kesalahan s 39C(1)(b) Akta itu wajib, keputusan ini mengikat HMS sebagai mahkamah bawahan termasuk Mahkamah Tinggi (lihat perenggan 20–21).

(2) HMS telah terkhilaf apabila mengikuti kes Mahkamah Tinggi Taiping iaitu kes *Mohammad Syukri Ramli*. HMS dan mahkamah ini terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan iaitu *Azfaiz Jamil*. Oleh itu, HMS terkhilaf apabila tidak menjatuhi sebatan rotan ke atas tertuduh. Mahkamah berpendapat keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Azfaiz Jamil* telah merungkai isu sebatan rotan bagi maksud frasa 'shall also be punished with whipping' (lihat perenggan 26–27).

[English summary

This was a revision on the decision of the sessions court for not imposing the whipping sentence for an offence under s 15(1)(a) read together with s 39C(1) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act'). The urine result appeared that the accused was positive for morphine. The accused also had four previous convictions for the same offence. The accused later pleaded guilty before the sessions court judge ('SCJ'). After the YBGK's counsel submitted the mitigation and the deputy public prosecutor ('DPP') submitted the aggravating factors, the SCJ adjourned to another date to allow the DPP to review the case of *Mohammad Syukri bin Ramli v Public Prosecutor* [2022] MLJU 485 referred by YBGK's counsel regarding whipping sentence on whether there was an appeal on that case at the Court of Appeal. It was revealed that the DPP had withdrawn its appeal at the Court of Appeal. After that, the SCJ sentenced the accused to five years imprisonment from the date of arrest and two years of supervision after completing his imprisonment term. The SCJ then followed the case of *Mohammad Syukri Ramli* who ruled that whipping sentence was not imposed on the accused. The court had summoned the record of the proceedings for the purpose of review under s 323(1) of the CPC, on whether the SCJ had acted judicially when he did not impose whipping sentence under the offence of s 39C (1) of the Act. The issue for determination was whether the whipping sentence was mandatory according to the case of *Mohammad Syukri bin Ramli v Public Prosecutor* [2022] MLJU 485 for an offence under s 39(C) of the Dangerous Drugs Act 1952.

Held, affirming conviction and sentence; imposing whipping sentence:

(1) The court found that there was a decision in the Court of Appeal in the case of *Public Prosecutor v Azfaiz bin Jamil* [2022] 6 MLJ 457 where the Honourable Judge Kamaludin Md Said JCA had ruled that whipping sentence under the offence s 39C(1)(b) of the Act was mandatory. The court was of the view that once the Court of Appeal in *Azfaiz Jamil*'s case

ruled that whipping sentence for the offence under s 39C (1)(b) of the Act was mandatory, the decision was binding on the SCJ as a subordinate court as well as the High Court (see paras 20–21).

(2) The SCJ was erred when followed the Taiping High Court case, namely *Mohammmad Syukri Ramli*. The SCJ and this court were bound by the decision of the Court of Appeal, namely *Azfaiz Jamil*. Therefore, the SCJ erred when he did not impose whipping sentence on the accused. The court was of the view that the Court of Appeal's decision in the *Azfaiz Jamil* case had unraveled the issue of whipping sentence where the phrase 'shall also be punished with whipping' was clear (see paras 26–27).]

Kes-kes yang dirujuk

Cheong Chee Chuen lwn Pendakwa Raya [2022] MLJU 1244; [2022] CLJU 1283, MT (dirujuk)
Dalip Bhagwan Singh v PP [1998] 1 MLJ 1; [1997] 4 CLJ 645; [1997] 1 MLRA 653, MP (dirujuk)
Dato' Tan Heng Chew v Tan Kim Hor [2006] 2 MLJ 293; [2006] 1 CLJ 577, MP (dirujuk)
Ganesan a/l Muniandy lwn Pendakwa Raya [2018] MLJU 1222; [2022] CLJU 154, MT (dirujuk)
Kerajaan Malaysia & Ors v Tay Chai Huat [2012] 3 MLJ 149; [2012] 3 CLJ 577; [2012] 1 MLRA 661; [2012] 1 MELR 501, MP (dirujuk)
Liaw Kwai Wah & Anor v PP [1987] 2 MLJ 69; [1987] CLJ Rep 163; [1987] 1 CLJ 35, MA (diikut)
Mohammad Syukri bin Ramli v PP [2022] MLJU 485; [2022] 1 LNS 573; [2022] CLJU 573, MT (dirujuk)
Ng Kook Kin v PP [1995] 2 MLJ 35, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Chean Wei Chung [2025] 8 MLJ 767; [2024] CLJU 2476, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya v Krishnaraj a/l Rajendran [2012] MLJU 324; [2012] 5 CLJ 991, MT (dirujuk)
PP v Azfaiz bin Jamil [2022] 6 MLJ 457; [2022] 9 CLJ 57, MR (diikut)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315 (dirujuk)
PP v Rosnan bin Ismail [2020] MLJU 1816; [2020] CLJU 1596, MT (dirujuk)
PP v Tan Tatt Eek & other appeals [2005] 2 MLJ 685; [2005] 1 CLJ 713, MP (dirujuk)
PP lwn KK [2003] MLJU 846; [2007] 6 CLJ 367, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Tatacara Jenayah ss 6B, 15(1)(a), 39A(1), (2), 39B, 39C, 39C(1), (1)(b), 173(m)(2), 323(1)

Lydia bt Salleh (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pemohon.
Chuah Shyue Chien (Arissa Tan, Chien & Co) bagi pihak responden.

Abu Bakar Katar H:

PENGENALAN

[1] Tertuduh telah dihadapkan di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru atas pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 2.11.2023 jam lebih kurang 7.30 malam di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, IPD Kulai, di dalam Daerah Kulai, dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah memberikan kepada diri kamu sendiri dadah berbahaya jenis morphine dan kamu juga mempunyai empat sabitan terdahulu di bawah s 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu pada:
>
> (a) 19.05.2015 di Mahkamah Majistret (1), Johor Bahru, Nombor Kes 83D-869–05/2015 di mana kamu telah dijatuhkan hukuman denda RM1,000.00 tidak bayar 12 bulan penjara.
>
> (b) 28.3.2021 di Mahkamah Majistret (2), Johor Bahru, Nombor Kes JA-83D-2027–03/2021 di mana kamu telah dijatuhkan hukuman 4 bulan penjara dari tarikh tangkap dan 2 tahun pengawasan.
>
> (c) 8.12.2021 di Mahkamah Majistret, Kulai, Nombor Kes JF-83D-467–08/2021 di mana kamu telah dijatuhkan hukuman 10 bulan penjara dari tarikh tangkap dan 3 tahun pengawasan.
>
> (d) 15.02.2023 di Mahkamah Majistret, Kulai, Nombor Kes JF-83D-40–01/2023 di mana kamu telah dijatuhkan hukuman 5 bulan penjara dari tarikh tangkap dan 2 tahun pengawasan.
>
> Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta itu] dan boleh dihukum di bawah s 39C(1) Akta yang sama.

[2] Pada 29 Mei 2024 tertuduh telah mengaku bersalah di hadapan hakim, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru ('Tuan HMS itu'). Sebagaimana lazimnya TPR yang mengendalikan kes telah mengemukakan fakta kes secara bertulis (P1). TPR turut mengemukakan Laporan Polis Kulai No 00182/23 (P2), lima keping gambar botol urin (P3(A)–(E)), laporan patologi (P4) dan rekod lampau (P5).

[3] Sebaik tertuduh mengemukakan mitigasi peringanan hukuman melalui peguam YBGK dan TPR mengemukakan hujahan pemberatan, Tuan HMS itu menangguhkan ke tarikh yang lainnya bagi membolehkan TPR menyemak kes *Mohammad Syukri bin Ramli v Public Prosecutor* [2022] MLJU 485; [2022] 1 LNS 573 yang dirujuk oleh peguam YBGK berkaitan sebatan rotan sama ada

diteruskan rayuannya di Mahkamah Rayuan atau sebaliknya.

[4] Tuan HMS itu kemudiannya menangguhkan kepada 11 Jun 2024 bagi menentukan status rayuan kes *Mohammad Syukri Ramli*. Semakan telah dilakukan dan mendedahkan pihak TPR telah menarik balik rayuannya di Mahkamah Rayuan. Sebaik itu, Tuan HMS itu telah menjatuhi hukuman penjara lima tahun mulai tarikh tangkap iaitu 2 November 2022 dan dua tahun pengawasan selepas selesai menjalani tempoh penjara. Tuan HMS itu mengikuti kes *Mohammad Syukri Ramli*, memutuskan sebatan rotan tidak dikenakan ke atas tertuduh.

[5] Mahkamah ini telah memanggil rekod prosiding untuk tujuan semakan dibawah s 323(1) KTJ khasnya sama ada Tuan HMS itu bertindak secara kehakiman apabila tidak menjatuhi sebatan rotan bagi kesalahan di bawah s 39C(1) Akta itu.

LATAR PENTAS KES

[6] Secara ringkasnya fakta kes seperti berikut: Pada 2 November 2023 jam lebih kurang 7.30 malam, D/Sarjan Zaffrul Teza bin Kamaruzaman, Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah ('BSJND'), IPD Kulai ('pengadu') telah membuat ujian saringan air kencing terhadap tertuduh di BSJND, IPD Kulai. Hasil ujian saringan awal mendapati air kencing tertuduh mengandungi dadah berbahaya jenis morphine.

[7] Kemudiannya, pengadu telah menghantar sampel air kencing tertuduh ke Jabatan Patalogi, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru untuk di analisis. Laporan patologi bertarikh 29 November 2023 (P4) yang ditandatangani oleh Mohd Yusfairuz bin Mohd Pilus, pegawai sains (kimiahayat) C48 mengesahkan air kencing tertuduh mengandungi dadah berbahaya jenis morphine.

[8] Tertuduh mempunyai empat rekod sabitan lampau berkaitan kesalahan dibawah s 15(1)(a) Akta itu. Mengikut rekod Pusat Pendaftaran Penjenayah (Polis RJ 2B) (P5), tertuduh mempunyai empat rekod sabitan lampau seperti jadual di bawah:

JADUAL

TARIKH	NO KES	MAHKAMAH	KESALAHAN	HUKUMAN
19 Mei 2015	83D-869–05 Tahun 2015	Mahkamah Majistret (1), Johor Bahru	s 15(1)(a) Akta itu	Denda RM1,000 tidakbayar 12 bulan penjara

28 Mac 2021	JA-83D-2027 –03 Tahun 2021	Mahkamah Majistret (2), Johor Bahru	s 15(1)(a) Akta itu	Penjara empat bulan dari tarikh tangkap dan dua tahun pengawasan.
8 Disember 2021	JF-83D-467 –08 Tahun 2021	Mahkamah Majistret, Kulai	s 15(1)(a) Akta itu	Penjara sepuluh bulan dari tarikh tangkap dan tiga tahun pengawasan.
15 Februari 2023	JF-83D-40 –01 Tahun 2023	Mahkamah Majistret, Kulai	s 15(1)(a) Akta itu	Penjara lima bulan dari tarikh tangkap dan dua tahun pengawasan.

[9] Hasil siasatan mendedahkan tertuduh melakukan kesalahan di bawah s 15(1)(a) Akta itu pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan. Disamping itu tertuduh mempunyai empat sabitan lampau atas kesalahan dibawah s 15(1)(a) Akta itu dan ini mengaktifkan hukuman yang diperuntukkan di bawah s 39C(1) Akta itu.

MERIT PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH

[10] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit semakan ini, eloklah diperturunkan peruntukan s 323(1) KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> s 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

[11] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69; [1987] CLJ Rep 163; [1987] 1 CLJ 35 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> *We would observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law* for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the

revisionary powers provided for in the Code is: ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

[12] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor*, mahkamah ini akan meneliti rekod prosiding sama ada terdapat sebarang kecacatan atau ketidakaturan yang memerlukan mahkamah ini menggunakan kuasa semakannya.

[13] Timbalan pendakwa raya ('TPR') yang terpelajar dalam permohonan semakan ini telah menghujahkan Tuan HMS itu terkhilaf apabila gagal menjatuhi hukuman sebatan yang diperuntukkan di bawah s 39C(1)(b) Akta itu. Tuan HMS itu gagal mematuhi peruntukan s 173(m)(2) KTJ iaitu hukuman menurut peruntukan undang-undang. Beliau turut merujuk kes *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315 memberi penjelasan kepada frasa '... according to law'. TPR yang terpelajar menghujahkan perkataan 'shall' yang terdapat dibawah peruntukan s 39C(1)(b) Akta itu membawa maksud 'mandatory'. Mahkamah ini di rujuk kes-kes *Ng Kook Kin v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 35 dan *Public Prosecutor lwn KK* [2003] MLJU 846; [2007] 6 CLJ 367 bagi menyokong penegasannya.

[14] TPR yang terpelajar menghujahkan sebatan rotan bagi maksud peruntukan s 39C(1)(b) Akta itu, niat Parlimen sebagai wajib dan bukannya budibicara. TPR yang terpelajar turut merujuk penyata rasmi Parlimen Dewan Negara Jilid IV Bilangan 12 bertarikh 2 Julai 2002 ketika membahaskan pindaan tersebut.

[15] Peguam YBGK yang mewakili responden sebaliknya menghujahkan hukuman rotan bagi maksud hukuman peruntukan s 39C(1)(b) Akta itu bukannya wajib sebaliknya budi bicara. Peguam YBGK yang terpelajar menghujahkan niat badan Parlimen semasa mengubal peruntukan s 39C, s 39A(1), s 39A(2) memilih frasa 'shall be also be punished with whipping'. Sekiranya sebatan rotan itu wajib, badan Parlimen akan memilih frasa 'shall be punished with whipping' sebagaimana yang diperuntukkan dibawah s 6B dan s 39B Akta itu.

[16] Peguam YBGK yang terpelajar menghujahkan memandangkan peruntukan s 39C Akta itu tidak jelas berkaitan sebatan rotan itu wajib atau budi bicara, tafsiran perlulah di buat menurut panduan dalam kes *Public Prosecutor v Tan Tatt Eek & other appeals* [2005] 2 MLJ 685; [2005] 1 CLJ 713. Peguam YBGK yang terpelajar merujuk kes-kes *Mohammad Syukri bin Ramli*

v Public Prosecutor [2022] MLJU 485; [2022] 1 LNS 573; [2022] CLJU 573 dan *Public Prosecutor v Rosnan bin Ismail* [2020] MLJU 1816; [2020] CLJU 1596 yang memutuskan sebatan rotan bagi maksud kesalahan s 39C(1)(b) Akta itu tidak wajib. Mahkamah ini turut dirujuk keputusan Mahkamah Tinggi yang lainnya tidak memberikan sebatan rotan iaitu *Ganesan a/l Muniandy lwn Pendakwa Raya* [2018] MLJU 1222; [2022] CLJU 154 dan *Cheong Chee Chuen lwn Pendakwa Raya* [2022] MLJU 1244; [2022] CLJU 1283. Peguam YBGK yang terpelajar menoktahkan hujahannya dengan menegaskan Tuan HMS itu secara betul apabila tidak memerintahkan sebatan rotan ke atas responden/tertuduh.

[17] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu sebatan rotan dengan lebih lanjut, eloklah diperturunkan peruntukan s 39C(1) Akta itu bagi kemudahan rujukan. Peruntukan s 39C(1) Akta itu berbunyi seperti berikut:

> (1) Where a person who has not less than —
>
> (a) two previous admissions;
>
> (b) two previous convictions under paragraph 10(2)(b) or paragraph 15(1)(a) or any combination of the sections;
>
> (c) one previous admission and one previous conviction under paragraph 10(2)(b) or paragraph 15(1)(a);
>
> (d) one previous admission and two previous convictions under section 31A; or
>
> (e) one previous conviction under paragraph 10(2)(b) or paragraph 15(1)(a) and two previous convictions under section 31A,
>
> is found guilty of an offence under paragraph 10(2)(b), paragraph 15(1)(a) or section 31A, he shall, instead of being liable to the punishment provided for that offence under the section under which he has been found guilty, be punished with imprisonment for a term which shall not be less than five years but shall not exceed seven years, and he *shall also be punished with whipping* of not more than three strokes.

[18] Berbalik kepada kes semasa, di hadapan Tuan HMS itu semasa mitigasi peringanan hukuman, peguam YBGK telah menghujahkan sebatan rotan bagi maksud peruntukan s 39C(1)(b) Akta itu tidak wajib. Tuan HMS itu telah menangguhkan ke tarikh lain bagi membolehkan TPR menyemak status rayuan kes *Mohammad Syukri Ramli* yang di rayu di Mahkamah Rayuan. Sebaik Tuan HMS itu berpuas hati rayuan bagi kes *Mohammad Syukri Ramli* telah pun di tarik balik oleh TPR, beliau meneruskan untuk hukuman. Tuan HMS itu mengikuti kes *Mohammad Syukri Ramli* dan berpandangan sebatan rotan tidak wajib. Sehubungan itu Tuan HMS itu telah menjatuhi hukuman penjara lima tahun mulai tarikh tangkap (2 November 2022) dan dua tahun pengawasan. Tiada sebatan rotan dikenakan ke atas tertuduh.

[19] Mahkamah ini berkesempatan mendengar RVT semasa mitigasi peringanan hukuman pada 29 Mei 2024. Peguam YBGK yang terpelajar merupakan peguam yang sama, semasa menarik perhatian Tuan HMS itu kepada kes *Mohammad Syukri Ramli*, menghujahkan sebatan rotan bagi kesalahan s 39C(1)(b) Akta itu tidak wajib dan mahkamah mempunyai budi bicara.

[20] Mahkamah ini ingin memberi kata-kata pujian kepada Tuan HMS itu yang telah pun menyedari dan membaca kes *Mohammad Syukri Ramli* yang memutuskan sebatan rotan tidak mandatori. Walaupun begitu, malangnya Tuan HMS itu, TPR yang mengendalikan kes semasa dan peguam YBGK tidak menyedari terdapat keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Public Prosecutor v Azfaiz bin Jamil* [2022] 6 MLJ 457; [2022] 9 CLJ 57 di mana YA Kamaludin Md Said HMR telah memutuskan sebatan rotan bagi kesalahan s 39C(1)(b) Akta itu membawa natijahnya wajib.

[21] YA Kamaludin Md Said HMR dalam penghakimannya menyatakan:

> [52] We agree with the appellant that the word used in s 39C of the DDA is 'shall be punished with' which connotes mandatory punishment. This Court of Appeal in *Antonina Marleen Yarendra v Chai Wei Chung* [2017] 4 MLJ 359; [2017] CLJU 536; [2017] 1 LNS 536 made the distinction between the meaning of the phrases 'shall be liable for' and 'shall be punished with'. The position under criminal law that only where the punishment provides that the offender 'shall be liable' for a punishment would the court be accorded with a discretion. Otherwise, where the punishment is stated as 'shall be punished' with the prescribed punishment then that punishment is mandatory (see: *Public Prosecutor v Man Bin Ismail* [1939] 1 MLJ 207; [1938] CLJU 54; [1938] 1 LNS 54 and *Public Prosecutor v Hew Yew* [1972] 1 MLJ 164; [1971] CLJU 110; [1971] 1 LNS 110).

[22] Mahkamah ini berpendapat sebaik Mahkamah Rayuan dalam kes *Azfaiz Jamil* memutuskan sebatan rotan bagi kesalahan s 39C(1)(b) Akta itu wajib, keputusan ini mengikat Tuan HMS itu sebagai mahkamah bawahan termasuk Mahkamah Tinggi.

[23] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu seharusnya mematuhi prinsip nas duluan yang mengikat atau 'stare decisis'. Mahkamah ini merujuk kes *Kerajaan Malaysia & Ors v Tay Chai Huat* [2012] 3 MLJ 149; [2012] 3 CLJ 577; [2012] 1 MLRA 661; [2012] 1 MELR 501 ada menyentuh prinsip 'stare decisis' seperti berikut:

> [53] The common law tradition is built on the *doctrine of stare decisis which directs a court to look to past decisions for guidance on how to decide a case before it*. This means that the *legal rules applied to a prior case with facts similar to those of the case now before a court should be applied to resolve the legal dispute*. The use of precedent has been justified as providing predictability, stability, fairness and efficiency in the law.

A *Reliance upon precedent contributes predictability to the law because it provides notice of what a person's rights and obligations are in particular circumstances*. It also means that lawyers can give legal advice to clients based on settled rules of law. *There is certainty in the law. There is also uniformity in the law. Similar cases will be treated in the same way. The use of precedent also stabilises the law*.

B

[24] Selanjutnya dalam kes *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1; [1997] 4 CLJ 645; [1997] 1 MLRA 653 Mahkamah Agong (ketika itu) memutuskan:

C [19] The doctrine of stare decisis or the rule of judicial precedent dictates that a court other than the highest court is obliged generally to follow the decisions of the courts at a higher or the same level in the court structure subject to certain exceptions affecting especially the Court of Appeal.

D **[25]** Pada akhirnya, mahkamah ini merujuk kes *Dato' Tan Heng Chew v Tan Kim Hor* [2006] 2 MLJ 293; [2006] 1 CLJ 577 menegaskan berkenaan dengan kepentingan mahkamah bawahan untuk mematuhi dan mengikuti keputusan mahkamah atasan seperti berikut:

E [3] Judicial hierarchy must be observed in the interests of finality and certainty in the law and for orderly development of legal rules as well as for the courts and lawyers to regulate their affairs. Failure to observe judicial precedents would create chaos and misapprehensions in the judicial system ...

F **[26]** Berbekalkan prinsip-prinsip yang di rujuk di atas, Tuan HMS itu terkhilaf apabila mengikuti kes Mahkamah Tinggi, Taiping iaitu kes *Mohammmad Syukri Ramli*. Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu dan Mahkamah ini terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan iaitu *Azfaiz Jamil*. Sehubungan itu, Tuan HMS itu terkhilaf apabila tidak menjatuhi
G sebatan rotan ke atas tertuduh.

[27] Mahkamah ini berpendapat hujahan-hujahan TPR yang terpelajar dan peguam YBGK yang terpelajar tidak perlu diperhalusi secara mendalam. Mahkamah ini berpendapat keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Azfaiz*
H *Jamil* telah merungkai isu sebatan rotan bagi maksud frasa 'shall also be punished with whipping'. Disamping itu, kes-kes Mahkamah Tinggi yang dirujuk oleh peguam YBGK yang terpelajar dalam hujahannya telah diputuskan sebelum kes *Azfaiz Jamil*.

I KESIMPULAN

[28] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu terkhilaf apabila gagal mengikuti keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Azfaiz Jamil* dalam konteks 'stare decisis'. Tuan

HMS itu terkhilaf apabila masih mengikuti keputusan kes *Mohammmad Syukri Ramli*.

[29] Mahkamah ini merujuk kes *Pendakwa Raya lwn Chean Wei Chung* [2025] 8 MLJ 767; [2024] CLJU 2476 di mana YA Roslan Mat Nor H telah mengunakan kuasa semakan untuk mengakaskan keputusan hakim mahkamah sesyen kerana gagal mengikuti keputusan mahkamah atasan. YA dalam penghakimannnya menyatakan seperti berikut:

> [35] Akhirnya, mahkamah berpendapat bahawa keputusan hakim mahkamah sesyen memberikan jaminan kepada responden adalah menyalahi s 41B ADB 1952 dan bertentangan dengan keputusan Mahkamah Agong dan Mahkamah Persekutuan seperti dalam kes *Public Prosecutor v Leong Ying Ming* dan *Public Prosecutor v Chew Siew Luan*. Ini adalah bertentangan dengan prinsip duluan kehakiman. Oleh yang demikian, ia adalah tidak sah di sisi undang-undang. Oleh itu, mahkamah ini menggunakan budi bicara semakan dan mengenepikan perintah hakim mahkamah sesyen tersebut.

[30] Mahkamah ini ingin merujuk kes *Pendakwa Raya v Krishnaraj a/l Rajendran* [2012] MLJU 324; [2012] 5 CLJ 991 dimana YA Zamani A Rahim H ada menukilkan pesanan ikhlas seperti berikut:

> [46] I have no alternative but to follow like an obedient son the recent decision of the Federal Court case of *Magendran Mohan*, is binding on this court based on the doctrine of stare decisis.

[31] Mahkamah ini mengunakan kuasa semakan yang ada, memerintahkan tertuduh dikenakan dua sebatan rotan. Hukuman yang lainnya yang dijatuhi oleh Tuan HMS itu disahkan.

Hukuman sebatan dikenakan.

Dilaporkan oleh Muhamad Azham Marwan